

# Ibu resah anak liar

## Cenderung ikut pengaruh kawan di luar

### KAUNSELING REMAJA

**Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon**  
rencana@hmetro.com.my

ibu bapa.

Apa caranya untuk kami menegur mereka usah terpengaruh dengan kawan-kawan liar dan menghormati kami sebagai ibu dan bapa.

### IBU BAPA RISAU Negeri Sembilan.

! Peringkat perkembangan remaja adalah satu fasa yang sangat menguji ketahanan mental dan fizikal ibu bapa. Itu satu perkara normal kerana pada peringkat ini remaja mengalami perubahan fizikal dan mental.

Pada peringkat ini, remaja akan mengalami perubahan emosi yang ketara kerana mereka ingin men-

cuba sesuatu yang baru dan terpengaruh dengan keadaan sekeliling.

Pada peringkat ini, remaja lebih percaya rakan sebaya berbanding ibu bapa kerana mereka sentiasa bersama. Sebaiknya puan sentiasa menasihati dan 'berkawan' dengan anak mengenai segala benda. Ini membantu puan dan suami memahami kehendak anak yang sedang membesar.

Sentiasa berbincang dan berkomunikasi dengan anak. Tunjukkan kesungguhan dan kasih sayang puan dan suami untuk bersama-sama mereka membina keluarga bahagia. Mungkin dengan cara itu, anak-anak akan menilai sejauh mana ibu bapa sa-

yangkan mereka.

Di samping itu, cuba amal beberapa ayat yang boleh melembutkan hati anak-anak, contohnya ayat 1-5 daripada surah Taha. Amalkan setiap kali selepas solat dan minta Allah lembutkan hati ahli keluarga puan.

Puan juga mungkin boleh cuba membina biah kekeluargaan yang diamalkan Rasulullah SAW seperti solat berjemaah dan makan berjemaah kerana apabila manusia sentiasa bersama di dalam apa jua keadaan, tautan hati juga semakin kuat.

Akhirnya, mendidik anak-anak adalah anugerah Allah yang tidak ternilai. Didik mereka dengan penuh kasih sayang dan memberikan sokongan di dalam apa jua diceburi. Minta kepada Allah dan yakin bahawa hanya Dia yang mampu memegang hati-hati hambanya.



## Ikut perangai buruk tunang

? Saya bakal melangsungkan perkahwinan dengan pilihan hati sendiri tidak lama lagi. Malangnya, semakin menjelang tarikh akad nikah, hati saya semakin was-was.

Kadangkala saya rasa masih terlalu muda dan belum habis berseronok dan menikmati zaman bujang lagi dengan kawan-kawan.

Pada masa yang sama, saya ada seorang teman lelaki lain dan kami kerap keluar bersama jika bakal suami tidak ada di sini atau sibuk dengan hal kerjanya.

Teman lelaki sangat sayangkan saya tetapi tidak mengetahui saya akan berkahwin. Sekarang saya sudah mula mendiamkan diri dengannya kerana memikirkan persediaan menjadi isteri yang setia, namun simpati dan sayang padanya masih ada.

Saya juga bimbang jika bakal suami mengetahui perihal kecurangan saya selama ini. Saya ada menyuarakan hasrat membatalkan perkahwinan dua bulan lalu, namun selepas dileteri bakal suami, saya diam.

Saya bukanlah wanita Muslimah yang alim dan bertudung litup dan warak, namun saya berharap akan tiba masa saya berubah menjadi lebih baik demi masa depan.

Sekarang, saya selalu berasa diri ini tidak sesuai atau setanding untuk dipadankan dengan bakal sua-

mi kerana dia seorang yang baik daripada keluarga yang baik, dan sentiasa bersolat.

Kadangkala bakal suami juga seakan-akan terikat dengan perangai saya yang buruk. Saya takut jika perkahwinan saya dan dia adalah satu perkara yang akan dikesali nanti.

### RESAH Pahang.

! Perkahwinan adalah salah satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ia memerlukan niat dan kesungguhan yang jitu supaya keputusan dibuat tepat dan betul. Selebihnya bertawakal kepada Allah kerana Dia lebih mengetahui apa yang tersirat.

Di dalam persoalan adik, Dr faham apa yang menyebabkan adik di dalam konflik diri. Seharusnya apabila seseorang bertunang, ia adalah satu langkah menuju ke alam perkahwinan dan perkara seperti maruah dan kebajikan perlu diberi perhatian tinggi.

Adik perlu mengambil satu masa yang betul-betul lapang dan memikirkan hakikat perkahwinan adik ini. Cuba tanya kepada diri apakah yang adik inginkan dengan perkahwinan dan ketepikan kepentingan hawa nafsu yang boleh memusnahkan masa depan adik.

Perkahwinan adalah

satu tanggungjawab yang besar dan perlu dipikul dengan hati yang ikhlas. Tanya pada diri adik sendiri adakah adik bersedia mengambil tanggungjawab ini.

Persoalan adik tidak sempurna seperti tunangan pula, adik perlu melihat lebih jauh dari segi konteks inginkan perubahan. Semua ini bergantung kepada adik. Orang lain tidak mampu mengubah adik melainkan adik sendiri.

Persoalan sama ada perkahwinan adik bahagia atau sebaliknya, ia adalah satu perkara yang sangat subjektif. Hanya adik mampu membentuk rumah tangga adik untuk menjadi taman atau sebaliknya.

Di dalam kehidupan manusia, hanya manusia yang mampu mencorakkan hidup sama ada ingin bahagia atau derita. Kebahagiaan adalah hak manusia dan pilihan juga di tangan manusia. Jika berlaku juga sebaliknya, balikkah kepada Allah kerana Dia yang Maha Mengetahui.

Apapun keputusan adik, berbincang dengan telus dan ikhlas. Ingatlah bahawa orang lain hanya 20 peratus saja membantu untuk membina kebahagiaan adik dan selebihnya diri adik sendiri.

Berbincanglah dengan tunang apa yang terbuku di hati, luahkan dengan ikhlas semoga perbincangan akan lebih diberkati.

## MOTIVASI PELAJAR DAN PEKERJA

Kami memanfaatkan pengalaman hampir 20 tahun memotivasikan lebih daripada 100,000 pelajar bagi membantu anak-anak anda cemerlang dalam hidup.

### Seminar 2 hari Motivasi Alihan Pelajar (MAP)

Pelajar cemerlang adalah mereka yang bersedia awal. Belajar di awal tahun berbeza dengan belajar di saat menjelang peperiksaan. Seminar MAP bertujuan Membentuk Sikap Positif, Membongkar Nilai Khalifah, Meningkatkan Kemahiran Sosial, Strategi Pembelajaran Aktif dan Menangani Stres. Tiada lagi istilah anak yang bermasalah. Untuk pelajar 10 hingga 19 tahun.

#### TARIKH DAN LOKASI PROGRAM

Kuala Terengganu	30 - 31 Ogos 2013
Kuala Lumpur	14 - 15 September 2013
Ipoh, Perak	21 - 22 September 2013

YANG MEMBEZAKAN KAMI IALAH PENGALAMAN.

### Seminar 2 hari Memperkasa Tenaga Kerja

Motivasi Alihan Pekerja bagi Memperkasakan Tenaga Kerja akan diadakan pada 23 dan 24 Oktober 2013. Antara modul yang akan disampaikan ialah:

- 1) Tip Seronok Bekerja.
- 2) Pandai Pikat Naik Pangkat.
- 3) Urus Stres Menjadi Sukses
- 4) Tip Ubah Mindset dan Paradigma Diri
- 5) Tenang Dengan Keberkatan Rezeki
- 6) Sikap Penentu Kejayaan.
- 7) Transformasi Diri Melalui Rasa Hati.
- 8) Profesional Dalam Bekerja.

\* NOTA: Pendaftaran Kursus Pekerja ini boleh dituntut melalui dana PSMB

016 - 5580619 / 016 - 5580719

03 - 91013622 / 012 - 4931520

www.laman-map.com | www.facebook.com/drasmadi

#### PENGASAS MAP

Dr. Tengku Asmadi, Ph.D seorang Konsultan Motivasi yang sering muncul di TV1, TV2, TV3, Astro, TV9, Radio 24 Bernama dan Ikim.fm

